

NEWS CLIPPINGS



Headline	Deleum tumpu enam focus utama pelan strategik
Media	Berita Harian / Ekonomi
Day/Date	17 May 2018
Page	29
Links	

Deleum continues to focus on six key areas

Deleum Bhd will continue to focus on its six key areas in 2018. Deleum Group MD Nan Yusri said the six key areas are cost and cash management; downstream activities; international business; technology; human capital development; as well as internal and external communication. Nan Yusri said oil prices have shown recovery in the past few months and the group will be monitoring the progress. It ist optimistic on of achieving a double-digit growth this year.

The group's order book currently stands at RM2bil and will last till 2023.



66

Pihak kami mula menyaksikan pemulihan dalam harga minyak dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan Deleum akan mengambil pendekatan berhati-hati tetapi optimistik bagi memastikan pertumbuhan dua digit dapat dicapai tahun ini"

Nan Yusri Nan Rahimy, Pengarah Urusan Deleum Bhd

Deleum tumpu enam fokus utama pelan strategik

 Laksana pendekatan berhati-hati pastikan pertumbuhan dua digit dicapai

Oleh Nasuha Badrul Huzaini nasuha@nstp.com.my

Penyedia rangkaian produk dan perkhidmatan sokongan khusus kepada industri minyak dan gas (O&G), Deleum Bhd akan terus memberikan tumpuan kepada enam fokus utama dalam pelan strategiknya tahun ini.

Pengarah Urusannya, Nan Yuari Nan Rahimy, berkata enam fokus utama itu merangkumi pengurusan tunai dan pengurusan kos, perniagaan hiliran; perniagaan antarabangsa; teknologi; pembangunan modal insan dan juga komunikasi dalaman dan juga komunikasi dalaman

Beliau berkata, pihaknya mula menyaksikan pemulihan dalam hanga minyak dalam beberapa bulan kebelakangan ini dan Deleum akan mengambil pendekatan berhati-hati tetapi optimistik bagi memastikan pertumbuhan dua digit dapat dicapai tahun ini.

"Kami berada dalam industri

yang unik kerana perkembangan kami bergantung kepada prestasi PETRONAS pada peringkat domestik, manakala operasi antarabangsa kami bergantung kepada pengendali di negara berkenaan.

"Secara tidak langsung, ia juga bergantung kepada strategi yang bakal mereka gunakan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan dalam pasaran minyak dan gas di masa hadapan.

"Pada masa sama, kami juga akan bergerak seiring dengan perkembangan berkenaan," katanya pada sidang media sekepas Mesyuarat Agung Tahunan ke-13 di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Ketua Kewangannya, G Jayanthi.

Untung kasar meningkat

Deleum mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM54 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, peningkatan sebanyak 8.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan kumpulan bagaimanapun susut 12.3 peratus kepada RM534.1 juta berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh keadaan dagangan yang mencabar, terutama dalam segmen kuasa dan jentera (P&M) serta perkhidmatan lapangan minyak (OS).

Nilai kontrak dimiliki

Mengulas lanjut, Nan Yusri berkata, nilai kontrak yang dimiliki pihaknya pada masa ini berjumlah RM2 bilion dan akan berakhir pada 2023.

"Sehingga 31 Mac lalu, kami mengemukakan tender baharu berjumlah RM470 juta bagi ketiga-tiga segmen operasi kami, iaitu P&M, OS dan penyelesaian hakisan bersepadu (ICS). "Segmen P&M masih menja-

"Segmen P&M masih menjadi penyumbang utama kepada perolehan kumpulan, pada masa sama aliran menaik juga dapat disaksikan daripada OS dan ICS," katanya.

Deleum juga memperuntukkan antara RM20 juta hingga RM30 juta bagi perbelanjaan modal pada tahun ini.